

Masjid Sebagai Pusat Rawatan Sementara Ketika Wabak

Zubair bin Amir Nur Rashid¹

Nur Mardia binti Mazri²

Muhammad Ikhlas Rosele³

ABSTRAK

Pandemik Covid-19 memberikan impak yang besar kepada ekonomi dan sosial masyarakat dunia. Islam sebagai suatu cara hidup tentunya mempunyai jalan keluar kepada pelbagai permasalahan-permasalahan yang berlaku termasuk ijtihad berkaitan solat fardu berjemaah, solat jemaah serta perkara lain berkaitan masjid dan surau. Dalam masa yang sama, pelaksanaan Program Imunisasi Kebangsaan Covid-19 yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia menuntut penglibatan semua agensi dan memaksimum penggunaan fasiliti yang ada. Sebahagian pihak mencadangkan masjid agar turut terlibat dalam Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang merupakan salah satu daripada fasiliti kesihatan. Bagi kajian jangka panjang, kajian ini dilakukan bagi mengkaji hukum menggunakan masjid sebagai pusat rawatan kepada masyarakat setempat. Kajian akan menggunakan metod kajian kualitatif dengan mengkaji pandangan-pandangan ulama serta prosedur pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membuat pertimbangan hukum syarak dengan keadaan semasa. Hasil kajian mendapati bahawa masjid boleh dijadikan pusat perubatan sementara jika memenuhi syarat-syarat tertentu seperti fasiliti kesihatan sedia ada berada dalam keadaan kritikal, ketiadaan dewan atau fasiliti lain serta tidak menggunakan kawasan dewan solat utama. Fungsi utama masjid sebagai rumah ibadat tidak menghalang kegiatan sosial dijalankan sebagaimana yang telah berlaku di dunia Islam sebelumnya namun menasihatkan pihak berkuasa agama mestilah menjaga sensitiviti umat Islam dengan meraikan hukum-hakam khusus berkaitan masjid.

Kata kunci: *Ijtihad; masjid; Pusat Rawatan*

PENDAHULUAN

Pandemik Covid-19 memberi impak yang besar kepada dunia. Syariat Islam atau fiqh itu terbina atas dasar *al-murunah* (dan anjal) sesuai sepanjang zaman dan situasi. Dalam situasi ini, umat Islam telah melihat pelbagai ijtihad baru khususnya berkaitan masjid yang merupakan rumah ibadat umat Islam serta mempunyai hukum-hakam tertentu dalam kitab fiqh. Walau bagaimanapun, masjid terbukti mempunyai potensi dan berfungsi sebagai tempat perhimpunan orang Islam bagi menjalankan kegiatan sosial.

Isu kesihatan turut menjadi keutamaan dalam Islam yang merupakan keperluan asasi manusia dalam kehidupan mereka. Justeru, hubung kait masjid sebagai pusat sosial dan

¹ Zubair bin Amir Nur Rashid, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, zubairislah@gmail.com.

² Nur Mardia binti Mazri, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, mardya94@gmail.com.

³ Muhammad Ikhlas bin Rosele, Ketua Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, ikhlas@um.edu.my.

pusat rawatan kesihatan memerlukan kepada kajian semasa oleh para ilmun. Sejak akhir-akhir ini khususnya pasca pandemik *Covid-19*, ijtihad semasa melibatkan perihal solat berjemaah, solat jumaat, pengehadan kapasiti jemaah, penjarakan saf ketika solat, serta menjadikan masjid sebagai Pusat Pemberian Vaksin berlaku di seluruh dunia Islam seperti di United Kingdom, Jepun serta negara-negara Arab (Mari Tamura, 2022). Dalam hal ini, sebahagian ilmun lebih terbuka kepada ijtihad ini manakala sebahagian lain tidak bersetuju dengan berpegang kepada prinsip asal menurut para ulama yang menentukan fungsi-fungsi khusus untuk masjid. Masing-masing berijtihad dan berbahas bagi memelihara kesucian rumah ibadat ini menurut perspektif mereka. Allah SWT menjelaskan golongan yang layak memakmurkan masjid berdasarkan firman-Nya dalam al-Quran:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٨٦﴾

Maksudnya:

Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

(Al-Taubah 9:18)

KAJIAN LITERATUR

Kajian ni dilaksanakan untuk mengkaji hukum menggunakan masjid sebagai pusat rawatan sementara kepada masyarakat setempat khususnya ketika musim wabak atau bencana. Kajian akan menggunakan metod kajian kualitatif dengan mengkaji pandangan-pandangan ulama serta prosedur pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membuat pertimbangan hukum syarak dengan keadaan semasa. Sorotan literatur terhadap maklumat daripada kitab-kitab fiqah terdahulu khususnya dalam bab hukum-hakam masjid serta rujukan berkaitan penyebaran wabak taun yang pernah melanda umat Islam terdahulu. Bahan yang digunakan bagi kajian ini ialah *Tashil al-Maqasid li Zuwar al-Masajid* terbitan Dar al-Kutub Ilmiyah, *al-Iqna' fi Hal al-Alfāz al-Abi Syujā'* terbitan Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, *Mughni al-Muhtaj fi Hal al-Alfāz al-Minhaj* terbitan Dar al-Hadis, Kaherah, *Bazl al-Ma'un fi Fadh al-Taun* terbitan Dar al-'Asimah, serta kitab-kitab hadis *sunan sittah* yang berkaitan dengan hukum-hakam penggunaan masjid.

METODE PENYELIDIKAN (HEADING 1)

Kajian ini lebih bersifat kualitatif yang melibatkan metod pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis mengguna pakai kaedah induktif, deduktif, analisis kandungan dan tematik. Dalam pemilihan isu, perlu ditegaskan bahawa skop kajian memfokuskan analisis terhadap aspek penfatwaan khususnya sepanjang tempoh pandemik covid-19 dalam isu pengurusan masjid. Isu-isu ini menjadi fokus utama memandangkan situasi ketika itu memperlihatkan rencamnya perubahan fatwa-fatwa melibatkan pelbagai pihak yang perlu kepada penjelasan hukum syarak.

HASIL KAJIAN

Kedudukan Masjid Dalam Islam

Masjid berasal daripada *ism makan* daripada perkataan *sajada* yang bererti tempat sujud. Selain itu, masjid juga merupakan tempat suci dan turut dinamakan sebagai rumah Allah. Sujud adalah merupakan sebahagian daripada rukun *fi'li* dalam solat. Menurut Badr al-Din al-Zarkasyi (1996):

“Sujud adalah merupakan perbuatan solat yang paling mulia kerana keadaan seorang hamba yang dekat dengan Tuhannya ketika itu. Masjid ialah *ism makan* yang diambil daripada *sajada* iaitu perbuatan sujud. Dari segi adat pula masjid dikhususkan kepada tempat yang disediakan untuk solat lima waktu”.

Umat Nabi Muhammad SAW juga diberikan kemuliaan iaitu setiap permukaan bumi ini boleh dijadikan tempat solat atau masjid sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Jabir RA:

وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا، وَإِنَّمَا رَجُلٌ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيُصَلِّ

Maksudnya:

Dan dijadikan bumi untukku itu kesemuanya sebagai masjid (tempat sujud) dan suci. Justeru umatku dapat melaksanakan solat di mana-mana sahaja dan pada bila-bila waktu.

(Sahih al-Bukhari, 438)

Kedudukan masjid sangat istimewa sehinggakan para ulama membahaskan hukum hakamnya secara terperinci dan khusus dalam bab wakaf. Hal ini kerana wakaf dan masjid adalah dua perkara yang berkaitan memandangkan perbincangan mengenai hukum-hukum masjid di dalam kitab fiqah akan diperincikan dalam bab wakaf (al-Khatib, 2011). Pembinaan masjid atas tanah wakaf bererti berpindah pemilikannya secara abadi kepada Allah SWT (Khatib al-Syirbini, 2011). Apabila diniatkan tanah wakaf ini untuk masjid, maka ia tertakluk kepada hukum-hukum masjid seperti haram berjimak di dalam masjid, boleh beriktikaf, hukum berkaitan *iqtida'* (perbuatan mengikut imam) oleh jemaah solat dan sebagainya (Khatib al-Syirbini, 2011). Justeru, ijihad mengenai penggunaan masjid atau apa-apa perkara berkaitan dengannya hendaklah merujuk kepada hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syarak dan dijelaskan oleh para ulama. Masjid tidak wajar disamakan dengan mana-mana tempat lain di dunia ini kerana kemuliannya yang tinggi disisi Allah SWT.

Selain itu, antara keistimewaan masjid berbanding tempat lain ialah disana terdapat beberapa pengkhususan hukum yang hanya diperuntukan untuk masjid. Antaranya ialah larangan memasukkan najis ke dalam masjid dengan sengaja kerana perbuatan tersebut adalah haram di sisi syarak. Perkara ini dapat dilihat menerusi beberapa contoh seperti seorang perempuan yang didatangi haid tidak dibenarkan untuk menetap di dalam masjid (Abdul Rahman al-Saqqaf, 2017). Selain itu, disunatkan kepada orang yang masuk ke dalam masjid untuk menunaikan solat sunat *tahiyah al-masjid* sebagai menghormati masjid menunjukkan kehormatan masjid itu sendiri. Hukumnya adalah makruh bagi seseorang yang masuk ke dalam masjid dan terus duduk tanpa mendirikan solat sunat *tahiyah al-masjid* ini (Khatib al-Syirbini, 2011). Perkara ini berasal daripada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Qatadah bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلْيَرْكَعْ رُكْعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَجْلِسَ

Maksudnya:

Jika salah seorang daripada kalian masuk ke dalam masjid, maka hendaklah dia mendirikan solat dua rakaat sebelum dia duduk.

(Al-Bukhari, 444)

Ibadah iktikaf juga mensyaratkan masjid sebagai salah satu rukun daripada empat rukun iktikaf iaitu orang yang beriktikaf, niat, menetap, dan masjid (Khatib al-Syirbini, 2011). Oleh itu, iktikaf yang dilakukan di luar dalam kawasan masjid adalah tidak sah. Allah SWT menyebutkan dalam al-Quran:

وَلَا تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid.

(Al-Baqarah, 2:188)

Ayat di atas menunjukkan bahawa ibadah iktikaf dikhususkan untuk masjid. Ayat ini turut menunjukkan hukum pengharaman jimak sewaktu beriktikaf di dalam masjid Menurut fuqaha Syafi'yyah, iktikaf yang dilakukan di dalam masjid adalah lebih afdal daripada solat Jumaat yang didirikan padanya (Khatib al-Syirbini, 2011).

Di Malaysia, kita telah ada peruntukan dalam enakmen-enakmen negeri mengenai definisi dan fungsi masjid itu sendiri. Secara umumnya, terdapat persamaan mengenai definisi dan fungsi masjid antara enakmen negeri-negeri di Malaysia. Contoh enakmen yang boleh dilihat ialah di Negeri Pahang di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 pada Kaedah-Kaedah Masjid 1998, Bahagian II, Fungsi dan Pengurusan Masjid menyebutkan bahawa fungsi masjid adalah seperti berikut:

- 1) Tempat orang-orang Islam beribadah terutamanya mendirikan sembahyang Jumaat dan sembahyang-sembahyang lain;
- 2) Tempat mengadakan pendidikan Agama Islam dan pendidikan-pendidikan yang memberi faedah kepada ahli kariah yang beragama Islam;
- 3) Tempat mengadakan sesuatu majlis perayaan yang berkaitan dengan Agama Islam;
- 4) Tempat mengadakan syarahan atau ceramah agama oleh pensyarah atau penceramah yang dibenarkan oleh Majlis, Jabatan atau Pegawai Agama Islam daerah, mengikut mana yang berkenaan;
- 5) Pusat penyebaran dakwah, maklumat, peraturan dan arahan daripada Majlis, Jabatan atau Pejabat Agama Islam Daerah;
- 6) Tempat mengadakan mesyuarat atau perjumpaan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kegiatan keagamaan; dan
- 7) Apa-apa jua fungsi lain yang berkaitan dengan kegiatan agama Islam sebagaimana diluluskan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Pandemik Covid-19 memperlihatkan pelbagai ijhtihad semasa berkaitan masjid dan tidak kurang juga para ilmuan yang tidak bersetuju dengan sebahagian ijhtihad ini. Pemerintah mestilah bertindak bagi memelihara nyawa rakyat selari dengan kaedah fiqah:

Tindak tanduk pemerintah terhadap rakyatnya adalah terikat dengan masalah (al-Suyuti, 1983).

Dalam tulisan ini, penulis akan mengemukakan beberapa isu penting serta hujah-hujah bagi membincangkan kemungkinan menjadikan masjid sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) serta syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh pihak pengurusan.

Peranan Masjid Sebagai Pusat Rawatan

Sejak zaman Rasulullah SAW, selain tempat beribadat masjid turut berfungsi sebagai pusat kegiatan masyarakat seperti kegiatan keilmuan, kemasyarakatan, dan kebajikan. Majlis-majlis ilmu hidup dengan keberadaan para ulama yang mengajarkan ilmu syarak kepada masyarakat tanpa lelah (Al-Dawamy, 2008). Dalam bahasa arab, masjid turut dipanggil sebagai *jami'* yang bererti tempat yang menghimpunkan (Hassani, 2017). Tambahan pula, telah tertulis dalam lipatan sejarah bahawa masjid turut digunakan untuk kegiatan sosial sebagaimana yang dinyatakan diatas. Secara umumnya, adalah tidak menjadi masalah menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan lain yang adalah dibenarkan syarak selagi mana tidak mengganggu fungsinya sebagai rumah ibadat atau tempat dilakukan solat berjemaah.

Masjid adalah suatu tempat yang mesti dihormati dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا وَأَبْغَضُ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا

Maksudnya:

Tempat yang paling disukai oleh Allah ialah masjid-Nya, dan tempat yang paling dibenci oleh Allah ialah pasar.

(Muslim, 671)

Mutakhir ini, kedatangan pandemik Covid-19 telah menghidupkan kembali perbincangan mengenai peranan masjid yang melangkaui aspek ibadah khusus semata-mata. Ketika pelaksanaan Program Imunisasi Kebangsaan (PICK) 2020, masjid merupakan antara tempat yang dicadangkan untuk dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Antara negeri yang mempeloporinya ialah seperti yang dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Terengganu dan juga negeri-negeri lain dengan kerjasama Pihak Berkuasa Agama Negeri. Tambahan pula, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama ketika itu, YB Senator Datuk Dr Zulkufli Mohamad al-Bakri turut menyokong dan memuji usaha mereka dalam menjadikan masjid sebagai Pusat Pemberian Vaksin. Menurut mereka, masjid sesuai dijadikan PPV kerana halamannya yang luas, mempunyai kemudahan yang bersesuaian, tempat yang dikenali oleh masyarakat, serta masjid dan surau juga sudah dijadikan sebagai pusat penyampaian bantuan kepada orang ramai. Namun, tidak kurang juga beberapa ilmuan yang tidak bersetuju dengan merujuk kepada beberapa isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak khususnya dalam keadaan sekarang ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimana masjid dan surau dihadkan jumlah jemaah untuk solat fardu dan jumaat.

Sekiranya masjid dijadikan sebagai Pusat Pemberian Vaksin atau apa-apa fasiliti kesihatan, timbul beberapa isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak. Antaranya ialah adakah orang bukan Islam boleh memasuki masjid? Bagaimanakah adab-adab dalam masjid itu dijaga oleh pihak pengurusan fasiliti tersebut? Pihak berkuasa perlu menjaga sensitiviti

umat Islam serta kesucian masjid dari dicemari dengan perhimpunan orang ramai dalam keadaan tidak memelihara adab-adabnya.

Disebut dalam kitab *Fiqh al-Masajid*, adab-adab di dalam masjid antaranya ialah tidak meninggikan suara, menghormati masjid, tidak mendendangkan syair yang melalaikan, tidak boleh berjual beli, memakai pakaian yang sopan, berjalan dengan perlahan dan tenang, dan sebagainya (Hassani, 2017).

Hukum Orang Kafir Masuk Masjid

Mengenai hukum orang bukan Islam (kafir) yang memasuki masjid, para ulama berselisih pandangan mengenainya seperti berikut:

1. Mazhab Maliki: Orang bukan Islam perlu ditegah daripada memasuki masjid walaupun mendapat keizinan daripada orang Islam kecuali kerana darurat pekerjaan. Antaranya ialah apabila orang kafir menawarkan kos upah kerja yang lebih baik berbanding orang Islam dan lebih profesional dalam bekerja.
2. Mazhab Hanafi: Harus bagi orang bukan Islam memasuki semua masjid.
3. Mazhab Syafie: Harus bagi orang bukan Islam memasuki masjid kecuali Masjid al-Haram dan tanah haram Mekah. Dibolehkan bagi orang bukan Islam untuk menginap di dalam masjid walaupun dalam keadaan junub menurut pendapat yang paling sah, selama mana mendapat persetujuan daripada umat Islam.

Manakala dalam kitab *Fiqh al-Masajid*, pengarang turut membawakan pandangan muktamad dalam mazhab Syafie (*qaul asoh*) iaitu diharuskan kepada orang kafir memasuki masjid sekalipun dia berada dalam keadaan junub. Hal ini kerana mereka tidak beriktikad bahawa masjid adalah tempat yang suci yakni tidak boleh dimasuki oleh orang junub (Kamal al-Din al-Maqdisi, 2006). Ia berdasarkan riwayat bahawa Nabi SAW pernah mengikat Thumamah bin Uthal yang merupakan seorang musyrikin di perkarangan masjid, dan Baginda SAW tidak memeriksa tentang keadaannya sama ada dalam junub atau tidak, bahkan secara zahirnya tentulah dia berada dalam keadaan junub (Kamal al-Din al-Maqdisi, 2006). Hadis diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiyallahu ‘amhu*, beliau menceritakan:

بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْلًا قَبْلَ نَجْدٍ فَجَاءَتْ بِرَجُلٍ مِنْ بَنِي حَنِيفَةَ يُقَالُ لَهُ ثُمَامَةُ بْنُ أُثَالٍ فَرَبَطُوهُ بِسَارِيَةٍ مِنْ سَوَارِي الْمَسْجِدِ

Maksudnya:

“Nabi SAW pernah mengirim pasukan berkuda mendatangi Najd, kemudian pasukan tersebut kembali dengan membawa tawanan seorang lelaki dari Bani Hanifah yang bernama Tsumamah bin Utsal. Kemudian lelaki itu diikat di salah satu tiang masjid.”

(Sahih al-Bukhari, 2341)

Walau bagaimanapun, bagi meraikan khilaf para ulama, orang kafir boleh dibenarkan masuk ke masjid tetapi mestilah dengan tujuan-tujuan yang bermanfaat seperti untuk menghadiri majlis ilmu, orang tersebut adalah orang yang diharapkan masuk Islam atau dia datang untuk meminta jawapan untuk kemusykilan agama. Selain itu, sebaiknya orang kafir tersebut hendaklah mendapat keizinan daripada orang muslim yang dipercayai sebelum memasuki masjid bagi meraikan khilaf yang wujud dalam masalah ini.

Kesimpulannya, orang bukan Islam dibolehkan masuk ke dalam masjid namun mereka mestilah memelihara adab-adabnya seperti berpakaian sopan, berperilaku baik dan mempunyai tujuan yang baik dan bermanfaat.

Dalam masalah ini, menurut majoriti ulama Masjidil Haram adalah dikecualikan daripada keharusan ini (Hassani, 2008). Hal ini berdasarkan kepada Firman Allah SWT dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Haram sesudah tahun ini...”

(Al-Taubah, 9:18)

Bertepatan dengan ciri-ciri khusus Islam iaitu *al-Murunah* (anjal) dan *Waqi'iyah* (meraikan keadaan semasa), kehadiran wabak Covid-19 telah menghidupkan perbincangan dalam kalangan para ilmuan di seluruh dunia. Dalam hal ini, terdapat fatwa-fatwa semasa di era pandemik Covid-19 ini, khususnya mengenai isu-isu masjid daripada badan-badan fatwa berautoriti dunia seperti *Hai'ah Kibar Ulama al-Azhar al-Syarif*, *Majlis Fatwa United Arab Emirates (UAE)*, *Fatwa al-Lajnah al-Da'imah Arab Saudi*, *Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah al-Azhar*, *al-Majlis al-Islami li al-Ifta' Palestin*, Kesatuan Ulama Islam Sedunia serta termasuk Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sendiri. Antara yang ingin diketengahkan oleh penulis ialah kenyataan Kesatuan Ulama Sedunia melalui setiausahanya Syeikh Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, beliau ada menyentuh mengenai isu masjid iaitu mereka berfatwa bahawa harus menjadikan masjid sebagai pusat rawatan pesakit Covid-19 jika tempat-tempat awam seperti hospital awam, dewan orang ramai, padang dan lain-lain tempat telah dipenuhi oleh pesakit Covid-19 (Kesatuan Ulama Sedunia, 2020).

Fatwa tersebut adalah berdasarkan kepada riwayat Imam Bukhari dalam kitabnya *al-Adab al-Mufrad* dengan sanad yang sahih bahawa Nabi SAW menyediakan sebuah khemah dalam kawasan masjid, dan Saidatina Rufaidah merawat Saad yang cedera dalam peperangan Khandak (Al-Bukhari, 1989).

Hadis ini menunjukkan bahawa sebahagian daripada kawasan Masjid Nabawi pernah dijadikan tempat untuk merawat pesakit. Riwayat ini juga turut disebut oleh Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, Ibn Athir, Ibnu Hisham dan lain-lain dalam kitab mereka. Keharusan menjadikan masjid sebagai pusat rawatan Covid-19 ini adalah terikat dengan syarat iaitu sekiranya tempat lain telah penuh dan tidak mampu digunakan. Justeru, menjadikan masjid sebagai Pusat Rawatan Sementara boleh dikiaskan dengan masalah ini memandangkan tujuan keduanya adalah sebagai tempat berubat dan memelihara nyawa manusia dengan rawatan-rawatan tertentu.

Kedudukan Kesihatan dan Ibadah Dari Perspektif Islam

Islam sangat mengambil berat soal kesihatan seseorang manusia. Pemeliharaan kesihatan adalah termasuk dalam keperluan asasi manusia serta merupakan salah satu cabang daripada lima objektif syariah iaitu pada *dharuriyyat hifz nafs* (Ibnu Ashur, 1998). Perkara ini dapat dilihat pada sudut fleksibiliti hukum fiqah berkaitan ibadah seperti solat, puasa dan lain-lain. Islam juga mengharamkan sebarang bentuk perbuatan yang boleh mendatangkan mudarat kepada orang lain sama ada mudarat berbentuk fizikal atau mental. Daripada Ibn Abbas R.Anhuma, Nabi SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya:

Tiada mudarat dan tidak boleh memudaratkan (orang lain).

(Sunan Ibnu Majah, 2341)

Solat fardu secara berjemaah adalah fardu kifayah menurut pandangan muftamad dalam mazhab Syafie. Soleh berjemaah di masjid diperintahkan kepada orang lelaki yang mencukupi syarat-syaratnya dan dalam masa yang sama tidak menghalang jemaah wanita untuk turut hadir. Namun, dalam keadaan wabak yang telah terbukti mendatangkan bahaya kepada nyawa manusia, memelihara nyawa adalah lebih diutamakan. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqah yang bermaksud “Semua hukum sesuatu itu berlegar bersama ‘illahnya, sama ada ia wujud atau tidak” (Al-Suyuti, 1983).

Dalam hukum fiqah, tuntutan solat fardu secara berjemaah boleh gugur disebabkan perkara-perkara tertentu seperti hujan, sakit dan lain-lain. Maka, wabak Covid-19 yang boleh mengancam nyawa manusia tentunya lebih utama daripada sebab-sebab tersebut.

Selain itu, manusia tidak dituntut untuk beribadah atau melakukan ketaatan sehingga memudaratkan diri sendiri. Bahkan kita dituntut untuk melakukan ketaatan mengikut kemampuan sebagaimana firman Allah SWT:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya:

Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu.

(Al-Taghabun 64:16)

Menurut ‘Abd Rahman al-Sa’di (1956), ayat ini menunjukkan bahawa semua kewajipan syarak yang tidak mampu ditanggung oleh hamba akan gugur jika dia tidak mampu melakukannya. Justeru dapat dilihat bahawa terdapat keanjalan dalam pelaksanaan ibadah apabila berlaku pertembungan antara kesihatan dan ibadah. Perkara ini dapat dilihat daripada kenyataan Ibnu Hajar al-‘Asqalani (2005), beliau mengkritik mereka yang mengadakan perhimpunan untuk berdoa secara beramai-ramai ketika wabak sedang melanda kawasan tersebut. Kesan daripada perbuatan tersebut, jumlah kematian disebabkan wabak yang berlaku di Kaherah ketika itu terus meningkat. Menurut beliau, mereka menganjurkan doa secara beramai-ramai kerana merujuk kepada dalil umum berkenaan kelebihan berdoa. Namun dalam situasi wabak, tidak diriwayatkan daripada fuqaha salaf bahawa mereka melakukan perbuatan sedemikian.

Selain itu, terdapat kelonggaran yang diberikan syarak mengenai pelaksanaan solat Jumaat dalam keadaan tertentu. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ عُدْرٌ قَالُوا: وَمَا الْعُدْرُ؟ قَالَ: خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

Maksudnya:

Sesiapa yang mendengar orang yang melaungkan azan maka tidaklah yang kezuran menghalangnya dari mengikutinya (hadir solat berjemaah)”. Para sahabat bertanya : “Apa maksud uzur?”. Jawab Rasulullah SAW: “Ketakutan atau sakit.

(Abu Dawud: 551)

Menurut Wahbah al-Zuhaili (2008), setiap kezuran yang sama tahap kesusahannya dengan kesusahan akibat sakit dianggap juga sebagai uzur yang dikiaskan dengan sakit yang dinaskan ke atasnya. Justeru, tidak wajib Jumaat ke atas orang yang berasa takut ke atas dirinya atau hartanya.

Selain itu, ia turut menepati kaedah fiqh “*al-Dararu Yuzal*” yang bermaksud “Kemudaratan mestilah dihilangkan” (al-Suyuti, 1983). Pemberian vaksin yang merupakan

satu-satunya cara untuk mengelakkan wabak selain penjarakan sosial adalah termasuk dalam perbuatan berubat.

Jika dilihat perkaitan antara ibadah dan kesihatan, keanjalan pelaksanaan ibadah solat seperti yang telah dinyatakan tadi menunjukkan Islam bersifat tetap pada prinsip dan anjal pada sudut pelaksanaan. Ciri ini dikenali sebagai “*Al-thawabit wa al-Mutaghayyirat*” yang merupakan salah satu daripada ciri-ciri khusus Islam. Dalam isu vaksin Covid-19, sektor kesihatan awam termasuk proses vaksinasi adalah termasuk dalam perkhidmatan perlu kerana melibatkan perlindungan nyawa manusia. Perkara ini mesti diteruskan dengan kadar segera bagi menjayakan hasrat kerajaan mencapai imuniti kelompok. Hal ini berbeza dengan kegiatan sosial keagamaan seperti solat berjemaah, solat Jumaat yang turut mendapat keringanan dari sudut syarak. Islam sebagai agama fitrah dan sesuai dengan norma alam (*sunnatullah*) meraikan situasi seperti ini sepertimana yang dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW melalui hadisnya.

Setelah dinyatakan keharusan menggunakan masjid bagi tujuan fasiliti perubatan seperti pusat vaksinasi, klinik bergerak dan lain-lain. Persoalannya, adakah semua kawasan masjid tersebut boleh digunakan?

Tiada khilaf dalam kalangan fuqaha bahawa dewan solat utama masjid ialah kawasan yang terhormat dan ia tertakluk kepada hukum-hakam berkaitan masjid seperti yang dijelaskan sebelum ini. Sebagai tambahan, penulis ingin membawakan definisi beberapa istilah dalam hukum-hakam masjid seperti *rahbah* dan *harīm*.

1. *Rahbah* ialah kawasan yang mengelilingi masjid yang bersambung dengan pintu masjid (Hassani, 2017).
2. *Harim* pula ialah kawasan yang mengelilingi masjid dan digunakan sebagai kawasan laluan orang ramai serta turut digunakan untuk membuang kotoran daripada dalam masjid (Hassan al-Kaf, 2003). *Harīm* adalah tidak tertakluk kepada hukum-hakam masjid, manakala *rahbah* adalah sebahagian daripada masjid menurut mazhab Syafie.

Kebanyakan reka bentuk masjid zaman ini, pihak pentadbir telah menentukan bahagian khusus di kawasan berasingan sebagai dewan kuliah serta tempat berhimpun orang ramai bagi memastikan keharusan wanita yang dalam haid untuk masuk ke tempat tersebut serta mengharuskan perkara-perkara lain yang dilarang di dalam dewan solat utama.

Dalam situasi masjid sebagai PPV, tentunya melibatkan kemasukan orang ramai serta turut melibatkan orang bukan Islam. Justeru, penulis berpendapat dewan solat utama tidak boleh dijadikan sebagai kawasan PPV. Mereka boleh menggunakan dewan kuliah, dewan orang ramai serta kawasan parkir bagi memastikan kehormatan masjid terus dipelihara. Ini tentunya hanya melibatkan masjid yang besar serta mempunyai fasiliti yang bersesuaian sahaja. Hal ini bersesuaian dengan saranan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim sewaktu pelaksanaan pemberian vaksin di rumah ibadat bahawa “SOP penting yang perlu dipatuhi di PPV masjid ialah tidak menggunakan ruang solat.” (9 Julai 2021).

Penulis berpandangan bahawa masjid dan surau boleh dijadikan sebagai Pusat Rawatan Sementara ketika berlakunya wabak dengan mematuhi beberapa syarat bagi menghormati rumah ibadat umat Islam ini. Antaranya, hendaklah mendahulukan penggunaan tempat awam yang lain seperti hospital, dewan orang ramai, sekolah dan kawasan-kawasan lain yang bersesuaian. Setelah itu, atas keperluan-keperluan tertentu, bolehlah menggunakan kawasan masjid sebagai pusat rawatan tersebut. Selain itu, kawasan solat utama juga tidak boleh digunakan untuk menjaga fungsi utama masjid iaitu melaksanakan solat fardu secara berjemaah melainkan keadaan darurat. Keadaan pusat rawatan yang terbuka dengan kehadiran orang ramai tanpa mengira lelaki atau perempuan,

muslim atau tidak menyukarkan pihak berwajib mengawal kelakuan orang ramai bagi menghormati masjid dan surau. Adapun perkarangan masjid yang luas serta dewan-dewan kuliah yang ada boleh digunakan tanpa mengganggu dewan solat utama sebagai tempat solat.

KESIMPULAN

Fungsi masjid adalah luas dan tidak terhad kepada kegiatan kerohanian atau ibadah khususiyah semata-mata. Sejarah telah membuktikan bahawa masjid juga berperanan sebagai pusat sosial dan pusat pendidikan untuk masyarakat setempat. Atas dasar itu, masjid boleh dimanfaatkan sebagai pusat rawatan sementara bagi membekalkan keperluan kesihatan kepada masyarakat ketika dalam keadaan memerlukan seperti ketika berlakunya wabak atau bencana alam.

Kegunaan masjid sebagai pusat rawatan juga adalah merupakan tujuan yang mulia dan satu keperluan masyarakat. Walau bagaimanapun, pengurusan masjid mestilah memastikan masjid kekal dihormati dengan memastikan adab-adab semasa berada disitu dijaga oleh para pengunjung. Selain itu, kegunaan tersebut mestilah tidak melibatkan dewan solat utama dan hanya menggunakan perkarangan masjid seperti dewan kuliah, kawasan parking dan lain-lain kecuali keadaan darurat. Hal ini memperlihatkan keanjalan Islam dalam menilai keutamaan dalam kehidupan manusia tanpa mengabaikan prinsip pemeliharaan masjid sebagai tempat suci umat Islam.

RUJUKAN

- Abdul Rahman al-Saqqaf. *al-Ibānah wal Ifādoh Fi Ahkām al-Haid Wa al-Nifās Wa al-Istihādoh*. Kaherah: Dar al-Tholib al-Azhari, 2015.
- Abu Daud, Sulayman ibn al-Ash'ath as-Sijistani, *Sunan Abi Daud*. Riyadh: Dar al-Salam, 2008.
- Al-Suyuti, Abdul Rahman bin Abu Bakar. *Al-Asybah wa al-Naza'ir li al-Suyuti*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 1983.
- al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail, *al-Adab al-Mufrad*. Beirut: Dar al-Basyariyyah, 1989.
- al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dar Ibn Kathir, 2009.
- Al-Quran al-Karim.
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy. *Falsafahdan Fungsi Masjid Dalam Islam. Fungsi dan Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari*. Universiti Teknologi Mara, 2008.
- Badr al-Din al-Zarkasyi, *Ilām al-Sājīd bi Ahkām al-Masājīd*. Kaherah: Wizāzah Awqāf 1996.
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991.
- Hassan bin Ahmad bin Muhammad al-Kaf, *Taqrirat al-Sadidah Fi Masail al-Mufidah*. Tareem: Dar al-Mirath al-Nabawiyyah, 2003.
- Hassani Muhammad Nur. *Fiqh al-Masājīd Fi al-Syari'ah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Salām, 2017.
- Ibn Hajar, Shihābuddīn Abul-Faḍl Aḥmad ibn Nūrud-Dīn 'Alī ibn Muḥammad ibn Ḥajar al-'Asqalānī al-Kinānī, *Baḍ' al-Ma'un Fi Fadh al-Taun*. Riyadh: Dar al-'Asimah, 2005.
- Ibnu 'Asyur, Muhammad al-Tahir. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Qatar: Wizarah al-Auqaf, 2015.
- Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19, (2021). *Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan*. 10 Mac 2021.

- Kamal al-Din al-Maqdisi al-Syafie, *Tashil al-Maqasid Li Zuwar al-Masajid*, Beirut: Dar al-Kutub Ilmiah 2006.
- Laman sesawang Astro Awani. Accessed Jun 28, 2021, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-perlu-pertikai-kegunaan-masjid-sebagai-ppv-305546>
- Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Selangor (2021). Dicapai 1 Julai, 2021, <https://www.muftiselangor.gov.my/>.
- Laman sesawang, Astro Awani. Dicapai 28 Jun, 2021, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ppv-masjid-ruang-solat-tidak-boleh-jadi-tempat-suntik-vaksin-305503>
- Laman sesawang, Dar al-Ifta' al-Masriyyah. *Penjarakan Saf Semasa Solat Berjemaah*. Diakses daripada <https://bit.ly/2UAVWMu>.
- Laman sesawang, International Union For Muslims Scholars. Dicapai pada 1 Julai 2021. <https://iumsonline.org/en/Sections.aspx?ID=4>
- Laman sesawang, Kesatuan Ulama Sedunia. Dicapai 15 Jun 2021. <https://www.iuumonline.org/ar/ContentDetails.aspx?ID=11299>.
- Laman sesawang, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2021). Dicapai pada 1 Julai 2021, <https://muftiwp.gov.my/en/>.
- Mari Tamura, Hitomu Kotani, Yusuke Katsurad & Hirofumi Okai. "Mosque as a COVID-19 vaccination site in collaboration with a private clinic: A short report from Osaka, Japan". *Progress in Disaster Science* Volume 16, (2022). Dicapai 14 Disember 2022, <https://doi.org/10.1016/j.pdisas.2022.100263>
- Muhammad bin Ahmad Asy-Syarbini al-Khatib. *al-Iqna' Fi Hal al-Alfāz al-Abi Syujā'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, 2011.
- Muhammad bin Ahmad Asy-Syarbini al-Khatib. *Mughni al-Muhtaj Fi Hal al-Alfāz al-Minhaj*. Kaherah: Dar al-Hadis, 2006.
- Muslim, Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj. *Sohih Muslim*, Bāb Ma Yalhaqu al-Insān Min al-Thawāb Ba'da Wafātihi. Dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf*: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Al-Syaikh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. "*Isu Penjarakan Fizikal Semasa Solat Berjemaah di Masjid dan Surau (Siri 6)*" *Al-Bayan*, 2020.
- Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. "*Pengambilan Vaksin Covid-19: Hukum dan Pelaksanaannya (Siri 7)*" *Al-Bayan*, 2020.
- Siti Rashidah binti Abdul Razak dan Kamal Eazzat bin Mat Isa. "Memasyarakatkan Masjid Dan Memasjidkan Masyarakat: Satu Tinjauan Di Surau Ad Deeniah, Pusat Perubatan Universiti Malaya" *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf* (2015): 0-7.
- Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Damsyiq: Dar al-Fikr, 2008.

Masjid Sebagai Pusat Rawatan Sementara Ketika Wabak